

12/09/1998

Kestabilan nilai ringgit jamin komitmen pelabur

Azizi Othman

SEPANJANG dua minggu bermula 22 Disember depan, Pusat Bandar Kuala Lumpur (KLCC) akan menjadi tumpuan masyarakat pelabur dari seluruh pelosok tanah air yang mahu melihat lebih dekat kepakaran teknologi, inovasi dan reka bentuk yang dimiliki syarikat Britain.

Sejumlah 75 syarikat Britain sudah mengesahkan mengambil ruang yang terletak bersebelahan pusat beli-belah Suria KLCC bagi menjayakan pameran perdagangan dan pelaburan UK Today - satu inisiatif bersama Jabatan Industri dan Perdagangan (DTI) Britain dan Jabatan Perhubungan Luar dan Komanwel (FCO).

Menariknya, pameran sebesar UK Today yang julung kali diadakan di Kuala Lumpur adalah acara komersil yang akan menjadi tonggak kempen pelaburan Britain di Malaysia sepanjang 1998. Sambil mengetengahkan kemampuan negara itu, ia juga akan menjadi medan untuk firma mencari peluang pelaburan baru negara kita.

Antara yang akan dipamerkan termasuk pelbagai aplikasi inovasi Britain, daripada barangan pengguna terkini, sistem tenaga suria, kejuruteraan genetik, sistem kesan khas untuk filem dan yang paling utama - sembilan produk alaf baru yang mendapat pengiktirafan badan teknologi dunia.

Selain itu, UK Today juga akan menyediakan ruang khas mempamer dan memberi maklumat mengenai bagaimana syarikat Britain dan Malaysia boleh berganding bahu mencari penyelesaian terhadap cabaran komersil masa depan demi kepentingan bersama.

Semua ini sebenarnya mendedahkan kita kepada satu persoalan. Sejauh manakah kesan mekanisme tukaran mata wang yang diumumkan oleh kerajaan memberi kesan kepada pelaburan langsung asing (FDI) ke Malaysia. Bukankah selama ini, apa yang sering kedengaran ialah kritikan hebat Barat terhadap langkah drastik kerajaan itu?

Selama ini, kita sering disogokkan dengan dakwaan kononnya langkah kawalan tukaran wang asing yang diumumkan oleh Bank Negara baru-baru ini bermakna Malaysia sudah terkeluar daripada peta pelaburan sedunia. Kita diberitahu kononnya ekonomi negara kini sudah tertutup kepada pemodal asing.

Lebih buruk lagi, beberapa hari selepas pengumuman itu dibuat, media asing menghentam Malaysia yang kononnya mula mengamalkan sistem ekonomi ala komunisme serta menghadapi risiko dipencilkan oleh masyarakat pelaburan dan kewangan sejagat. Adakah hakikatnya begitu.

Pengarah Asia Pasifik DTI, Mike Cohen berkata, langkah kawalan tukaran mata wang yang dilakukan Malaysia itu sebenarnya satu inisiatif bijak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi memastikan kesinambungan pengaliran FDI ke Malaysia.

Beliau berkata, jika sebelum ini kebanyakan pelabur keberatan melabur di Malaysia kerana terpaksa berdepan risiko turun-naik nilai mata wangnya, kini kebimbangan itu lenyap dan mereka boleh menanam modal dengan lebih yakin kerana kestabilan nilai ringgit yang terjamin berikutan ia diikat kepada dolar Amerika.

Sehubungan itu, DTI pada 9 September lalu mengeluarkan kenyataan bahawa masyarakat pelabur dan sektor swasta Britain kini bersedia memperbaharui dan memperkukuh komitmen mereka terhadap Malaysia yang akan terus menjadi lokasi pelaburan utama mereka di Asia Tenggara.

DTI sedar langkah kawalan tukaran asing yang diperkenalkan Malaysia itu sama-sekali tidak akan menjejaskan kepentingan pelabur Britain, malah memberi

jaminan kestabilan kepada regim pelaburan Malaysia.

Sejajar dengan itu, langkah berkenaan dilihat sebagai satu daripada usaha pragmatik Kuala Lumpur untuk memastikan iklim pelaburannya sentiasa kondusif dan sesuai untuk mereka yang mengutamakan manfaat jangka panjang - sesuatu yang memang didukung pelabur Britain sejak lebih dua dekad lalu.

Mekanisme kawalan tukaran asing yang diumumkan Malaysia itu tidak bercanggah dengan tuntutan sebarang forum antarabangsa seperti Pertubuhan Dagangan Sedunia (WTO) atau peraturan liberalisasi serantau yang digariskan oleh Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) kerana ia langsung tidak membabitkan pengenalan halangan perdagangan baru.

Pada masa yang sama, usaha Malaysia memastikan sebarang unjuran keuntungan hanya boleh dibawa balik oleh pelabur asing selepas tempoh setahun, juga dapat menjadi strategi 'menyaring' atau membezakan pengaliran masuk wang panas (modal jangka pendek) dengan pelaburan tulen yang berobjektifkan manfaat jangka panjang.

Pendapat Cohen diperkukuhkan lagi oleh Promoter Eksport Britain ke Malaysia, Julian Manning, yang berkata pelaksanaan sistem kawalan tukaran mata wang yang diumumkan Malaysia itu tidak akan menjejaskan pelaburan Britain ke Malaysia, malah mampu merangsang pengalirannya.

Beliau berkata, persoalan bahawa syarikat Britain mungkin menarik balik modal mereka keluar daripada Malaysia kerana kebimbangan mekanisme itu, juga tidak berasas kerana Kuala Lumpur sudah menjadi sasaran pelaburan asing utama Britain sejak lebih sedekad lalu.

"Sebarang usaha menarik balik pelaburan Britain di Malaysia bukan langkah bijak terutama ketika laporan terbaru Persuruhjaya Dagangan dan Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (Unctad) menyebut bahawa Asia Tenggara pasti terus menjadi sasaran pelaburan asing sedunia," katanya.

Walaupun laporan Unctad itu tidak membuat rujukan spesifik kepada Malaysia, apa yang pasti ialah FDI sukar mengalir ke ekonomi seperti Thailand, Indonesia, Filipina, Singapura, Brunei Darussalam, Vietnam atau Kemboja yang kini dilanda ketidaktentuan lebih besar. Ini bermakna, peluang Malaysia mendominasi sejumlah besar FDI serantau masih tinggi.

Tinjauan rambang yang dibuat anggota DTI juga mendapati tiada pelabur Britain yang menyifatkan langkah kawalan tukaran mata wang itu mengancam kepentingan mereka, sebaliknya ia dilihat sebagai satu usaha jangka pendek untuk memberikan kepastian bahawa Malaysia sentiasa menyambut baik kehadiran mereka.

Kebanyakannya juga berpendapat bahawa mereka tidak nampak bagaimana langkah itu boleh memberi kesan negatif kepada mereka kerana apa yang dilakukan oleh Malaysia ialah untuk mengekang kemasukan wang panas yang sering mencetuskan ketidakstabilan.

Dengan itu, tidak hairanlah jika kebelakangan ini, kita dapat melihat kemasukan lebih banyak pelaburan Britain seperti yang ditunjukkan oleh British Telecommunications Plc, Powergen Plc serta Blue Circle Plc merebut peluang di Malaysia.

Semua syarikat berkenaan melihat langkah yang diumumkan itu sebagai sesuatu yang positif untuk mereka yang sememangnya membuat pelaburan untuk jangka panjang. Bagi mereka, dakwaan langkah kawalan tukaran mata wang itu sebagai ala komunisme tidak dapat diterima kerana baru-baru ini Malaysia sendiri melonggarkan syarat pemilikan ekuiti asing bagi syarikatnya.

Untuk memastikan mesej sedemikian difahami sektor swasta Britain, DTI mengambil inisiatif memberi penerangan mengenai kedudukan perkara sebenar kesan pengumuman Malaysia itu serta menjelaskan bagaimana langkah yang diambil Kuala Lumpur itu dapat memanfaatkan mereka.

Begitupun, satu daripada sebab lain mengapa kebanyakan pelabur Britain tidak begitu kluatir dengan pengumuman berkenaan ialah kerana kebanyakannya kini bertumpu kepada sektor strategik iaitu mengambil

bahagian dalam gagasan penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Dalam konteks ini, jaminan yang diberikan oleh Dr Mahathir bahawa sebarang pelaburan dalam MSC tidak akan terjejas dengan pengenalan langkah baru itu membantu proses pembinaan keyakinan Malaysia masih mengalu-alukan kehadiran mereka.

Kesimpulannya, langkah kawalan mata wang yang diambil oleh Malaysia itu sebenarnya tidak akan membawa kesan buruk kepada ekonomi, sebaliknya mencerminkan pragmatisme kerajaan menghidupkan semula denyut pembangunan negara serta membina benteng pertahanan daripada dipengaruhi anasir negatif luaran.

(END)